



JURNAL PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

Malay Language Education Journal

Penerimaan, Minat dan Amalan Pelajar Tingkatan 6 terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Secara Dalam Talian

(Acceptance, Interest and Practice for Form 6 Students towards Online Teaching and Learning of Malay Language)

Chew Fong Peng¹ & Billy anak Meredan²

^{1,2} Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, MALAYSIA.

Koresponden: **Chew Fong Peng**, fpchew@um.edu.my

ISSN: 2180-4842

Terbitan: Mei, 2023

Volume: 13

Bilangan: 01

Halaman: 01-11

Dihantar pada:

24 April 2023

Diterima pada:

13 Mei 2023

Abstrak: Pandemik COVID-19 telah mengubah lanskap pendidikan di Malaysia. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran terpaksa dilaksanakan secara dalam talian. Merujuk kepada situasi yang berlaku, kajian ini dilaksanakan untuk melihat penerimaan, minat dan amalan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu dalam talian. Bagi mencapai matlamat kajian ini, kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan dilaksanakan untuk mengumpul data. Soal selidik dilaksanakan secara dalam talian. Dapatkan kajian menunjukkan tahap penerimaan, minat dan amalan pelajar terhadap PdP dalam talian adalah tinggi. Selain itu, kajian juga mendapat tidak terdapat hubungan antara penerimaan, minat dan amalan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian. Di samping itu, kajian juga mendapat tidak terdapat perbezaan penerimaan dan amalan pelajar terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian berdasarkan lokasi tempat tinggal, tetapi terdapat perbezaan minat pelajar terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian berdasarkan tempat tinggal. Oleh itu, guru-guru perlu mengambil kira faktor tempat tinggal para pelajar tingkatan 6 dalam pengajaran Bahasa Melayu dalam talian.

Kata kunci: Amalan, minat, pelajar tingkatan 6, penerimaan, pengajaran dan pembelajaran dalam talian

Abstract: The COVID-19 pandemic has changed the educational landscape in Malaysia. Therefore, the teaching and learning process had to be implemented online. Referring to the prevailing situation, this study was conducted to see the Acceptance, interest and practices of Form Six students towards online Teaching and Learning of the Malay Language. To achieve the goals of this study, a quantitative study using a survey method was implemented to collect data. To collect data, questionnaires were administered online due to movement constraints. The findings showed high levels of acceptance, interest and practice towards online learning. In addition, the study also found no correlation between the acceptance, interest and practice of Form Six students towards online learning. The study also found that, there was no difference in students' acceptance and student's practice on online learning, based on student's location of residence. However, there are differences in students' interest, in online learning based on place of residence.

Keywords: Practice, interest, Form 6 students, online teaching and learning

PENGENALAN

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang sangat penting untuk dikuasai oleh seluruh rakyat Malaysia. Bahasa Melayu juga dikenali sebagai Bahasa Malaysia dan dijadikan bahasa rasmi negara, bahasa pentadbiran, bahasa perhubungan umum dan bahasa pengantar serta bahasa ilmiah di sekolah dan institusi-institusi pengajaran tinggi. Kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di Malaysia telah termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996. Kebanyakan institusi pendidikan di Malaysia menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar khususnya sekolah-sekolah kerajaan. Justeru, mata pelajaran Bahasa Melayu adalah mata pelajaran yang wajib lulus untuk meneruskan pengajaran di peringkat yang lebih tinggi. Namun begitu, pembelajaran Bahasa Melayu pada masa kini telah mengalami perubahan akibat berlakunya pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Pandemik ini telah menjelaskan sektor pendidikan sehingga menyebabkan wujudnya norma yang baharu dalam sektor tersebut.

LATAR BELAKANG KAJIAN

E-pembelajaran masih merupakan satu pendekatan yang agak baharu dalam dunia pendidikan di Malaysia. Pada ketika ini tidak ada satu definisi yang boleh dikatakan diterima pakai secara menyeluruh (Ansary et al. 2010). Terdapat beberapa definisi e-pembelajaran dan istilah-istilah lain yang berkaitan dengannya yang pada keseluruhannya menekankan jenis teknologi dan pedagogi yang telah dan sedang digunakan pada peringkat dalam negeri dan antarabangsa seperti pembelajaran jarak jauh, pembelajaran maya, talian pembelajaran, dan latihan berdasarkan web (APEL, 2020).

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM 2013), penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi adalah untuk memudah cara pengajaran dan pembelajaran (PdP). Definisi e-pembelajaran boleh dibahagikan kepada dua, iaitu konsepsual dan operasional. Definisi konsepsual menekankan proses pembelajaran yang melibatkan interaksi kolaboratif dan konstruktif menggunakan pelbagai alat elektronik dalam pembelajaran dalam talian. Definisi operasional pula memberi tumpuan kepada kemahiran mengendalikan alat atau perkakasan teknologi (tumpuan kepada teknologi) dalam talian untuk memudah cara proses PdP. Penjelasan definisi ini selaras dengan definisi teknologi pendidikan yang memberi penekanan kepada teknologi sebagai proses dan teknologi sebagai produk (Heinich et al. 1992).

Secara umum, PdP dalam talian adalah kaedah pendidikan yang menggunakan kemudahan teknologi seperti internet, kekuatan satelit dan sistem rangkaian interaktif dalam menyampaikan maklumat seperti bahan kuliah, penilaian, projek serta tugas dan

pembentangan kepada pelajar (Atousa Rasouli et al. 2016). PdP dalam talian adalah kaedah yang membolehkan tenaga pengajar dan pelajar menjalankan sesi PdP di mana sahaja dan pada bila-bila masa walaupun berada di luar masa dan dewan kuliah (Siti Azura et al. 2021).

Menurut Noor Hadzilda et al. (2021), penggunaan platform pembelajaran dalam talian adalah strategi yang sesuai untuk meningkatkan kualiti dalam proses PdP terutama dalam era industri 4.0 pada hari ini. Dalam PdP secara dalam talian, terdapat banyak platform yang digunakan. Antaranya *ialah Google Meet, Google Classroom, Zoom dan Microsoft Teams*. Perlaksanaan PdP secara dalam talian sememangnya menuntut kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada setiap pihak termasuklah guru, pelajar dan ibu bapa khususnya dari segi pengetahuan dan kemahiran berkaitan penggunaan teknologi (Nor Fauziana, 2020).

Ekoran daripada situasi yang berlaku, pengkaji ingin mengkaji dengan lebih mendalam bekenaan penerimaan, minat dan amalan pelajar terhadap peraksanaan PdP secara dalam talian khususnya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Fokus kajian ini adalah pelajar tingkatan 6 di mana kumpulan ini sememangnya terkesan dengan perubahan sistem pendidikan kini. Tambahan pula kawasan kajian pengkaji merupakan kawasan yang memiliki pembangunan yang relatif perlahan dan ini akan menyebabkan para pelajar mengalami masalah dalam PdP mereka. Hal ini kerana masalah capaian Internet dan juga kekurangan kemudahan untuk belajar secara dalam talian.

PERNYATAAN MASALAH

Pandemik COVID-19 telah mengubah lanskap pendidikan bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia. Hal ini demikian kerana, pembelajaran bersemuka tidak dapat dilaksanakan. Hal ini jelas menyukarkan para pelajar untuk menuntut ilmu terutamanya masyarakat luar bandar yang tidak mendapat akses Internet, misalnya, pembelajaran Bahasa Melayu oleh pelajar bukan penutur jati tidak dapat dilakukan kerana tidak ada pertemuan bersemuka dengan guru. Hal ini akan menyebabkan mereka ketinggalan dan berlakunya kekurangan motivasi. Sehubungan dengan itu, Nasir dan Hamzah (2013) mengatakan kelemahan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar berkait rapat dengan minat pelajar untuk mempelajari bahasa berkenaan. Tambahnya lagi, kesediaan belajar adalah satu situasi yang memungkinkan seseorang itu untuk belajar.

Setelah negara melalui beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), para pelajar dilihat semakin dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran maya yang telah dilaksanakan sejak tiga tahun yang lalu. Tidak dinafikan tenaga pengajar memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan proses PdP dalam talian sama ada

berjaya atau gagal (Nilavani & Khairul Azhar 2021). Akan tetapi, penerimaan pelajar semasa dan selepas proses ini berlaku turut perlu diambil kira untuk menilai keberkesanan platform yang digunakan dan mengukur hasil pembelajaran mereka.

Pembelajaran Bahasa Melayu sememangnya terkesan dengan perubahan sistem pendidikan yang bertukar secara dalam talian. Justeru, KPM juga menyedari bahawa tidak semua pelajar dapat mengikuti pembelajaran secara maya disebabkan keterbatasan liputan Internetkhususnya pelajar yang tinggal di luar bandar dan pedalaman. Menurut Deepika Nambiar (2020), kesukaran untuk mewujudkan komunikasi dua hala antara guru dengan pelajar telah menjadikan kaedah pembelajaran dalam talian ini sukar atau tidak dapat dilaksanakan. Keadaan ini menjadi kekangan kepada guru-guru untuk berinteraksi dengan pelajar sekali gus menyebabkan objektif pembelajaran tidak tercapai. Keadaan ini menyebabkan pelajar tidak dapat mengikuti sesi PdP sepanjang tempoh pandemik.

Oleh itu, lokasi tempat tinggal penting dikaji memandangkan perbezaan liputan Internet di lokasi bandar dan luar bandar akan mempengaruhi pembelajaran bahasa Melayu dalam talian, misalnya kajian Mohd Asri et al. (2017) mendapati peratusan pelajar Melayu luar bandar yang minat terhadap bahasa Melayu disebabkan mata pelajaran tersebut mudah adalah lebih tinggi daripada peratusan pelajar di bandar. Hal ini menunjukkan lokasi tempat tinggal mempengaruhi minat para pelajar mempelajari Bahasa Melayu.

Terdapat banyak kajian yang dilakukan berkaitan penerimaan pelajar terhadap PdP Bahasa Melayu. Misalnya, kajian dilakukan oleh Nazri dan Abdul Latif (2012) mendapati tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan pelajar terhadap peruntukan bahasa Melayu dalam perlumbagaan adalah tinggi secara keseluruhan. Dari segi tahap penerimaan, terdapat perbezaan yang agak ketara mengikut etnik, agama dan aliran pendidikan. Kajian Pareeda Hayeeteh, Shahidi dan Rahim (2020) mendapati penerimaan bahasa Melayu dalam kalangan siswa-siswi yang mengambil Sarjana Muda Program Bahasa Melayu di Universiti Rajaphat Yala adalah pada tahap sederhana. Sarah dan Nor Hafizah (2021) menjalankan kajian dijalankan untuk mengetahui tahap kesediaan dan penerimaan guru dalam mempraktikkan penggunaan teknologi digital Revolusi Industri 4.0 sebagai bantu mengajar dalam pendidikan rendah. Hasil kajian mendapati mereka mendapati tahap penerimaan guru dalam mempraktikkan penggunaan teknologi digital 4.0 sebagai bahan bantu mengajar adalah pada tahap sederhana, dan tiada perbezaan yang signifikan antara tahap penerimaan guru tersebut dengan lokasi dan kategori sekolah.

Kajian yang menyentuh minat para pelajar juga agak banyak. Sebagai contoh Nor Hadibah et al. (2022) mendapati tahap minat dan penerimaan pelajar tahun 5

sekolah rendah terhadap penggunaan bahan PdP berdasarkan gamifikasi dalam Bahasa Melayu adalah tinggi. Sebaliknya kajian kualitatif Nor Ashikin et al. (2022) mendapati subjek kajian daripada keluarga *Top 20* (*T20*) tidak menaruh minat terhadap pembelajaran Bahasa Melayu kerana beranggapan Bahasa Melayu tidak penting dan membosankan. Ramuna dan Mohd Mokhtar (2022) mendapati pendekatan terapeutik dalam didik hibur sesuai untuk pelajar masalah pembelajaran di sekolah rendah kerana mereka dapat terlibat secara langsung dengan setiap aktiviti pengajaran yang dilakukan dalam situasi menyeronokkan.

Kajian-kajian terhadap amalan lebih banyak difokuskan terhadap guru-guru seperti kajian Jessica (2023) yang mengkaji amalan pendekatan pengajaran terbeza berpandukan Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB) dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu Tahap 1 sekolah rendah kebangsaan dalam PdP Bahasa Melayu selain kajian Nornikman dan Muhammad Syawal (2023) yang meneliti amalan humor guru dan hubungannya dengan konsentrasi dan ingatan belajar pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Rathaneswaary dan Ruhizan (2022) pula mengenal pasti tahap pengetahuan, penerimaan, kesediaan dan amalan pengajaran Guru Pemulihian Khas (GPK) terhadap pelaksanaan pengajaran terbeza di kelas pemulihan. Mereka mendapati keempat empat aspek yang diukur terhadap GPK masing-masing mencatatkan nilai skor min keseluruhan yang sangat tinggi iaitu tahap pengetahuan ($M=4.32$, $SP=0.406$), tahap penerimaan guru ($M=4.56$, $SP=0.414$), tahap kesediaan guru ($M=4.09$, $SP=0.511$) dan amalan pengajaran guru ($M=4.14$, $SP=0.470$). Walaupun keempat empat aspek yang dikaji min keseluruhannya tinggi, namun guru pemulihian khas masih menunjukkan bahawa minat dan kesediaan untuk meningkatkan pengetahuan dengan menghadiri kursus, bengkel jika diberi peluang.

Kajian-kajian lepas jelas menunjukkan pengkaji mengkaji topik penerimaan, minat dan amalan dalam PdP bahasa Melayu secara umum dan bukannya secara dalam talian. Tambahan pula, kajian yang melibatkan pelajar tingkatan 6 tidak ditemui di mana kebanyakan kajian lepas dilakukan terhadap pelajar aliran perdana seperti yang dibincangkan. Justeru, pengkaji berharap kajian ini dapat memperoleh penemuan yang baharu khususnya tentang topik terebut dalam kalangan pelajar tingkatan 6. Kajian ini penting selari dengan Revolusi Industri 4.0 yang memerlukan generasi baru yang berpengetahuan tinggi, mampu menghadapi cabaran teknologi baharu yang lebih canggih dan kompleks serta berdaya tahan bukan sahaja sebagai pengguna teknologi yang berjaya, tetapi dapat mencetuskan teknologi selaras dengan Aspirasi Pelajar dan Anjakan 7 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013).

OBJEKTIF KAJIAN

Sebanyak lima objektif kajian dibina, iaitu:

1. Mengenal pasti tahap penerimaan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian.
2. Mengenal pasti tahap minat pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian.
3. Mengenal pasti tahap amalan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian.
4. Mengenal pasti hubungan antara penerimaan, minat dan amalan Pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian.
5. Mengenal pasti perbezaan penerimaan, minat dan amalan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian berdasarkan lokasi tempat tinggal.

HIPOTESIS KAJIAN

Dua hipotesis nul dibangunakan daripada soalan kajian 4 dan 5, iaitu:

- Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penerimaan, minat dan amalan Pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penerimaan, minat dan amalan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian berdasarkan lokasi tempat tinggal.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian bentuk tinjauan yang menggunakan kaedah kuantitatif. Menurut Chua (2020), tinjauan adalah kaedah mengumpul data yang senang dilaksanakan kerana data boleh dikumpul dengan cepat walupun melibatkan sampel yang besar. Kaedah ini digunakan dengan meluas dan keputusannya boleh digeneralisasikan. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Dalam kajian ini, data soal selidik dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)*.

Lokasi Kajian

Lokasi kajian yang dipilih adalah di sebuah Pusat tingkatan 6 yang terletak di daerah Subis, Sarawak. Daerah Subis merupakan satu daripada tiga daerah yang terdapat di bahagian Miri. Dalam daerah Subis, terdapat dua buah Pusat Tingkatan 6 dan satu daripadanya dipilih sebagai lokasi kajian ini. Lokasi kajian ini merupakan salah sebuah Pusat tingkatan 6 yang melakukan PdP secara dalam talian. Pelaksanaan PDP

secara dalam talian ekoran pandemik COVID-19 telah mempengaruhi pencapaian pelajar di lokasi kajian khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Pensampelan Kajian

Populasi bagi kajian ini adalah seramai 80 orang. Pengkaji menggunakan *convenience sampling* untuk memilih sampel bagi kajian ini. Kaedah ini dilihat mudah untuk mendapatkan sampel kerana ia mengikut keselesaan dan tidak ada unsur paksaan. Sampel yang diperoleh melalui kaedah ini juga dikenali sebagai *accidental samples* kerana sampel dipilih hanya kerana responden berada dalam lokasi bagi kajian itu dijalankan. Para pelajar datang dari pelbagai kawasan termasuk bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Hal ini membolehkan penyelidik membuat bandingan pelajar mengikut lokasi tempat tinggal mereka.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen soal selidik diedarkan secara dalam talian kepada responden. Jawapan yang diberikan adalah dalam bentuk skala Likert, iaitu Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Tidak Pasti, Setuju dan Sangat Setuju. Instrumen soal selidik ini terdiri daripada empat bahagian iaitu:

1. Bahagian A: Demografi responden
2. Bahagian B: Penerimaan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP dalam talian.
3. Bahagian C: Minat pelajar tingkatan 6 terhadap PdP dalam talian.
4. Bahagian D: Amalan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP dalam talian.

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengadaptasi tiga instrumen soal selidik yang berbeza. Untuk bahagian penerimaan, pengkaji telah mengadaptasi instrumen soal selidik daripada Annita (2018). Untuk bahagian minat pula, pengkaji telah mengadaptasi instrumen soal selidik Lim et al. (2008), manakala bagi bahagian D iaitu amalan pelajar, pengkaji telah mengadaptasikan soal selidik daripada Miller et al. (2020).

Melalui instrumen soal selidik yang dirujuk, pengkaji telah melakukan beberapa perubahan seperti memisahkan item yang menanyakan dua soalan sekali gus. Hal ini demikian kerana responden akan keliru untuk memberikan jawapan kepada soalan tersebut. Contohnya, ‘*Saya suka berinteraksi dan bertanya semasa pembelajaran dalam talian*’. Berinteraksi dan bertanya merupakan perbuatan yang berbeza. Oleh itu, pengkaji mengambil tindakan untuk mengasingkan item tersebut bagi mengelakkan responden berasa keliru untuk menjawab. Sebanyak 24 item yang dikemukakan dalam instrumen soal selidik ini. 10 daripadanya ialah item bagi mengukur tahap penerimaan pelajar. Untuk

tahap minat dan amalan, masing-masing memiliki 7 item yang digunakan untuk mengukurnya.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Bagi proses kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, pengkaji menjalankan kajian rintis di sekolah menengah luar bandar Miri yang melibatkan 20 orang pelajar tingkatan 6. Hasil daripada analisis kebolehpercayaan mencatatkan nilai alpha Cronbach ialah 0.72. Apabila merujuk kepada jadual iterpretasi skor alpha Cronbach oleh Bond dan Fox (2015), nilai ini menunjukkan bahawa instrumen kajian berada pada tahap yang baik (0.7-0.8).

Pengumpulan dan Analisis Data

Dalam kajian ini, pengkaji mendapatkan bantuan guru kelas untuk mengedarkan soal selidik dan guru kelas akan memberikannya kepada para pelajar. Tidak wujud unsur paksaan untuk menjawab soal selidik ini di mana semua maklum balas daripada responden telah dimasukkan ke dalam SPSS untuk dianalisis. Untuk soalan kajian pertama, kaedah deskriptif, iaitu kekerapan peratus, min dan sisihan piawai akan digunakan. Interpretasi skor min kajian ini adalah berdasarkan Jadual 1.

JADUAL 1: Skor min dan interpretasi

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.20	Sederhana
3.21 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat tinggi

(Sumber: Moidunny 2009)

Untuk mengenal pasti hubungan antara penerimaan, minat dan amalan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP bahasa Melayu dalam talian, analisis korelasi akan diguna pakai, dan untuk mengenal pasti perbezaan penerimaan, minat dan amalan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian berdasarkan lokasi tempat tinggal, ujian Kruskal-Wallis diaplikasikan.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 2 menunjukkan latar belakang demografi responden yang terlibat dalam kajian ini. Seramai 69 orang pelajar terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan jadual 1, lebih banyak pelajar perempuan (49 orang) berbanding pelajar lelaki (20 orang) yang menjawab soal selidik kajian ini. Seterusnya, pelajar daripada etnik Iban mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu 48 orang bersamaan 69.6%. Jika dilihat mengikut aliran kelas pula, pelajar dari kelas Geografi (37 orang) melebihi pelajar kelas Pengajian Perniagaan (32 orang). Di

samping itu, kebanyakan pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah dari luar bandar dengan catatan sebanyak 34 orang (49.3%).

JADUAL 2: Demografi responden kajian

Pemboleh Ubah	Kategori	Kekerapan (N=69)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	20	29.0
	Perempuan	49	71.0
Etnik	Melayu	10	14.5
	Cina	5	7.2
	Iban	48	69.6
	Orang Ulu	4	5.8
	Lain-lain	2	2.9
Aliran Kelas	Geografi	37	53.6
	Pengajian Perniagaan	32	46.4
Lokasi Tempat Tinggal	Bandar	11	15.9
	Pinggir Bandar	24	34.8
	Luar Bandar	34	49.3

Soalan Kajian 1

Apakah tahap penerimaan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian?

JADUAL 3: Penerimaan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian

Penerimaan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
1. Saya mudah mengakses kelas BM secara dalam talian.	0	0	0	9 (13.0%)	60 (87.0%)	4.87	0.34
2. Bahan pembelajaran BM senang diperolehi secara dalam talian.	0	0	0	15 (21.7%)	54 (78.3%)	4.78	0.42
3. Saya dapat menerima tugasandan dengan mudah melalui dalam talian.	0	0	0	10 (14.5%)	59 (85.5%)	4.86	0.35
4. Tugasan yang diberikan oleh guru dapat diantar dengan mudah secara dalam talian.	0	0	0	24 (34.8%)	45 (65.2%)	4.65	0.48
5. Saya dapat mengendalikan perisian/aplikasi pembelajaran BM dalam talian.	0	0	3 (4.3%)	18 (26.1%)	48 (69.6%)	4.65	0.56
6. Kualiti aktiviti pembelajaran BM secara dalam talian adalah sangat baik.	0	0	1 (1.4%)	11 (15.9%)	57 (82.6%)	4.81	0.43
7. Pembelajaran secara dalam talian membolehkan saya menjawab soalan BM dengan mudah.	0	0	0	18 (26.1%)	51 (73.9%)	4.72	0.44
8. Saya dapat memahami topik yang diajar dengan mudah secara dalam talian.	0	0	0	18 (26.1%)	51 (73.9%)	4.74	0.44
9. Saya dapat mengaplikasikan apa yang saya pelajari secara dalam talian.	0	0	0	19 (27.5%)	50 (72.5%)	4.72	0.45
10. Saya dapat berkommunikasi dengan baik bersama penyayarah dalam PDP BM dalam talian.	0	0	0	13 (18.8%)	56 (81.2%)	4.81	0.39

Jadual 3 menunjukkan tahap penerimaan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu dalam talian. Sebanyak 10 item telah digunakan untuk mengukur tahap minat pelajar. Penerimaan tertinggi dicatatkan pada item 1, iaitu 'Saya mudah mengakses kelas

Bahasa Melayu secara dalam talian' ($M = 4.87$, $SD = 0.34$). Bagi penerimaan terendah pula dicatatkan pada item 4 dan 5 masing-masing mencatatkan nilai ($M = 4.65$, $SD = 0.48$) dan ($M = 4.65$, $SD = 0.56$). Secara keseluruhannya penerimaan pelajar terhadap PdP Bahasa Melayu dalam talian berada pada tahap yang tinggi ($M = 4.76$, $SD = 0.43$).

Soalan Kajian 2

Apakah tahap minat pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian?

JADUAL 4: Minat pelajar tingkatan 6 terhadap PdP bahasa Melayu secara dalam talian

Minat	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
1. Saya suka berinteraksi dengan menggunakan teknologi dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	0	0	3 (4.3%)	22 (31.9%)	44 (63.8%)	4.59	0.58
2. Saya suka bertanya semasa pembelajaran atas talian.	0	0	2 (2.9%)	24 (34.8%)	43 (62.3%)	4.59	0.55
3. Saya suka mengambil bahagian dalam setiap aktiviti yang dilakukan secara atas talian.	0	0	4 (5.8%)	30 (43.5%)	35 (50.7%)	4.45	0.61
4. Saya memiliki motivasi yang tinggi untuk belajar secara atas talian.	0	0	0	16 (22.5%)	53 (76.8%)	4.77	0.43
5. Saya berpuas hati dengan masa perlaksanaan PdP Bahasa Melayu secara atas talian.	0	0	0	8 (11.6%)	61 (88.4%)	4.88	0.32
6. Saya selesa dengan ruang belajar semasa menjalani PdP atas talian.	4 (5.8%)	3 (4.3%)	6 (8.7%)	10 (14.5%)	46 (66.7%)	4.32	1.17
7. Saya yakin dengan diri sendiri dalam menggunakan teknologi semasa belajar atas talian.	0	0	2 (2.9%)	22 (31.9%)	45 (65.2%)	4.62	0.55
Purata				4.60	0.60		

Jadual 4 menunjukkan tahap minat pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu dalam talian. Sebanyak tujuhp item telah digunakan untuk mengukur tahap minat pelajar. Minat yang paling tinggi adalah pada item 5, iaitu '*Saya berpuas hati dengan masa perlaksanaan PdP Bahasa Melayu secara dalam talian*'. ($M = 4.88$, $SD = 0.32$). Item minat yang paling rendah adalah pada item 6, iaitu '*Saya selesa dengan ruang belajar semasa menjalani PdP dalam talian*' ($M = 4.32$, $SP = 1.17$) Secara keseluruhannya, minat pelajar terhadap PdP Bahasa Melayu dalam talian berada pada tahap yang tinggi ($M = 4.60$, $SD = 0.60$).

Soalan Kajian 3

Apakah tahap amalan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian?

JADUAL 5: Amalan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP bahasa Melayu secara dalam talian

Amalan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
1. Saya meluangkan banyak masa untuk menyelesaikan masalah teknikal semasa PDP dalam talian.	7 (10.1%)	25 (36.2%)	33 (47.8%)	4 (5.8%)	0	2.49	0.76
2. Saya selalu memaklumkan kepada guru berkenaan masalah yang dihadapi dalam PDP dalam talian.	0	0	0	12 (17.4%)	57 (82.6%)	4.83	0.38
3. Saya menjalankan perbincangan berkumpulan secara dalam talian.	0 (1.4%)	1 (4.3%)	3 (29.0%)	20 (65.2%)	45	4.58	0.65
4. Saya mengambil masa yang lama untuk menyiapkan tugasansoalan BM secara dalam talian.	3 (4.3%)	26 (37.7%)	39 (56.5%)	1 (1.4%)	0	2.55	0.61
5. Saya kerap bertanya kepada guru semasa PDP BM dalam talian berbanding secara bersemuka.	0 (15.9%)	11 (17.4%)	12 (66.7%)	46	0	3.50	0.76
6. Saya memperoleh banyak ilmu baru semasa perlaksanaan PDP dalam talian.	0	0	0	23 (21.7%)	83 (75.5%)	4.78	0.41
7. Saya cenderung memilih PDP dalam talian daripada PDP secara bersemuka.	0	0	0	17 (24.6%)	52 (75.4%)	4.75	0.43
Purata						3.93	0.57

Jadual 5 menunjukkan tahap amalan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu dalam talian. Sebanyak 7 item telah digunakan untuk mengukur tahap amalan pelajar. Amalan yang paling tinggi adalah pada item 2, iaitu '*Saya selalu memaklumkan kepada guru berkenaan masalah yang dihadapi dalam PdP dalam talian*' ($M = 4.83$, $SD = 0.38$). Amalan yang paling rendah ialah pada item 1, iaitu '*Saya meluangkan banyak masa untuk menyelesaikan masalah teknikal semasa Pdp dalam talian*' ($M = 2.49$, $SD = 0.76$). Secara keseluruhannya amalan pelajar terhadap PdP Bahasa Melayu dalam talian berada pada tahap yang tinggi ($M = 3.93$, $SD = 0.57$).

Soalan Kajian 4

Adakah terdapat hubungan antara penerimaan, minat dan amalan Pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu dalam talian?

JADUAL 6: Hubungan antara penerimaan, minat dan amalan Pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu dalam talian

		Penerimaan	Minat	Amalan
Penerimaan	Pearson Correlation	1	0.197	-0.123
	Sig. (2-tailed)		0.105	0.313
Minat	Pearson Correlation		1	0.152
	Sig. (2-tailed)			0.213
Amalan	Pearson Correlation			1
	Sig. (2-tailed)			

p>0.05*

Jadual 6 menunjukkan hasil analisis ujian korelasi untuk hubungan antara penerimaan, minat dan amalan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu dalam talian. Hasil ujian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penerimaan, minat dan amalan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu dalam talian dengan semua nilai signifikan mencatatkan ($p > 0.05$). Hubungan penerimaan dengan minat mencatatkan $r=0.197$ ($p > 0.05$), hubungan penerimaan dengan amalan $r=-0.123$ ($p > 0.05$) dan hubungan minat dengan amalan $r=0.152$ ($p > 0.05$). Hal ini menunjukkan bahawa H_0 diterima.

Soalan Kajian 5

Adakah terdapat perbezaan penerimaan, minat dan amalan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian berdasarkan lokasi tempat tinggal?

JADUAL 7: Mean ranks

	Lokasi Tempat Tinggal	N	Mean Rank
Penerimaan	Bandar	11	36.95
	Pinggir Bandar	24	37.06
	Luar Bandar	34	32.91
Minat	Bandar	11	25.86
	Pinggir Bandar	24	42.96
	Luar Bandar	34	32.34
Amalan	Bandar	11	34.55
	Pinggir Bandar	24	39.23
	Luar Bandar	34	32.16

JADUAL 8: Ujian Kruskal Wallis

	Penerimaan	Minat	Amalan
Chi-Square	.762	6.912	1.805
df	2	2	2
Asymp. Sig.	.683	.032*	.406

Jadual 8 menunjukkan ujian Kruskal Wallis yang digunakan untuk menganalisis perbezaan antara penerimaan, minat dan amalan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu dalam talian berdasarkan

lokasi tempat tinggal. Ujian Kruskal Wallis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan penerimaan dan amalan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu dalam talian berdasarkan lokasi tempat tinggal dengan nilai signifikan penerimaan (0.683) dan amalan (0.406) iaitu ($p>0.05$). Jadi, hal ini menunjukkan hipotesis nol (H_0) diterima.

Namun begitu, ujian Kruskal Wallis yang dijalankan juga menunjukkan terdapat perbezaan minat pelajar tingkatan 6 yang signifikan terhadap PdP Bahasa Melayu dalam talian berdasarkan lokasi tempat tinggal dengan nilai Khi kuasa dua pada 6.912 dengan aras signifikan kurang daripada 0.05 ($p=0.032$).

Seterusnya Jadual 7 menunjukkan bahawa nilai mean rank untuk minat pelajar tingkatan 6 di pinggir bandar adalah paling tinggi ($MR=42.96$), diikuti dengan pelajar di luar bandar ($MR=32.34$), dan akhirnya pelajar di bandar ($MR=25.86$). Hal ini menggambarkan bahawa para pelajar tingkatna 6 di pinggir bandar menaruh minat paling tinggi terhadap PdP bahasa Melayu dalam talian berbanding pelajar di luar bandar dan bandar, dan para pelajar di bandar paling tidak meminati PdP dalam talian. Justeru, H_0 ditolak.

PERBINCANGAN

Tahap Penerimaan, Minat dan Amalan Pelajar Tingkatan 6 terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Secara Dalam Talian

Mengikut Model TAM (Davis, 1989), persepsi pengguna terhadap kemudahan Internet akan mempengaruhi perilaku seseorang pengguna, kemudian membentuk sikap dan akhirnya menjadi amalan harian. Dalam kajian ini, keputusan analisis menunjukkan bahawa tahap penerimaan, minat dan amalan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu dalam talian adalah tinggi. Meskipun dalam pembelajaran norma baru ekoran pandemik COVID-19 yang berlaku, para pelajar masih memberi tindak balas yang positif. Dapatkan ini dilihat selari dengan kajian Nazri dan Abdul Latif (2012) yang mengkaji tahap penerimaan pelajar terhadap peruntukan Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan mengikut konteks hubungan etnik dalam kalangan pelajar IPTA di Malaysia. Dapatkan kajian tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan pelajar terhadap peruntukan Bahasa Melayu dalam perlembagaan berada pada tahap yang tinggi ini disebabkan mereka menganggap Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan negara, sebagai subjek wajib di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan serta perlu lulus untuk mendapatkan Sijil Pelajaran Malaysia.

Pihak media massa dan Dewan Bahasa dan Pustaka tidak pernah berhenti untuk mengangkat taraf dan fungsi Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Contohnya, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kerap berkongsi info berkenaan Bahasa Melayu di

platform media sosial mereka seperti di *Facebook* dan *Instagram*. Dalam perkongsian tersebut, pihak DBP juga mengaitkan isu-isu semasa bagi menarik minat para netizen untuk membaca. Justeru, pengkaji melihat bahawa usaha tersebut merupakan langkah yang sangat baik untuk dilaksanakan seiring dengan zaman yang semakin moden kini.

Dapatan ini disokong oleh hasil kajian Siti Fatimah dan Siti Hasmiza (2018) yang mana para pelajar memberikan respon yang sangat positif terhadap penggunaan e-pembelajaran. Dalam kajian tersebut, didapati bahawa pelajar tidak menghadapi banyak masalah walaupun terpaksa mempelajari penggunaan aplikasi baharu dan dapat menyesuaikan diri dengan platform tersebut. Amani dan Umi Hamidaton (2020) dalam kajian tentang berkenaan penerimaan pelajar terhadap penggunaan *Microsoft Teams* sebagai platform pembelajaran mendapati bahawa pelajar mempunyai tahap pengetahuan dan kesedaran yang tinggi terhadap penggunaan teknologi terkini dalam pembelajaran. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian yang menunjukkan seramai 66 orang pelajar (95.7%) tidak menghadapi masalah dalam mengendalikan perisian atau aplikasi pembelajaran Bahasa Melayu dalam talian.

Dalam pada itu, hasil kajian yang telah dijalankan oleh Saifolrudin dan Mohamad Khairi (2019) membuktikan bahawa reaksi para pelajar yang merangkumi persepsi, sikap dan penerimaan mereka terhadap integrasi TMK melalui penggunaan portal web E-Pendidikan adalah baik dan positif. Kajian Sakshi dan Jaya Shankar (2020) terhadap penggunaan aplikasi Zoom sebagai medium pembelajaran semasa pandemik COVID-19 menunjukkan bahawa majoriti responden memberikan respon positif terhadap penggunaan aplikasi yang telah menjadikan proses pembelajaran menarik dan menyeronokkan. Keputusan ini jelas menunjukkan bahawa hasil kajian tersebut selari dengan dapatan kajian pengkaji yang menunjukkan penerimaan, minat dan amalan pelajar terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian berada pada tahap yang tinggi.

Raden Sudarwo dan Anfas (2020) membuktikan pentingnya minat dan sikap dalam pembelajaran. Kajian mereka menunjukkan pengaruh minat dan sikap terhadap motivasi pembelajaran adalah sebanyak 82.4%. Seterusnya amalan akan bersebatai dalam PdP harian apabila para pelajar mempunyai sikap dan minat yang mendalam. Amalan yang dilakukan adalah hasil daripada pengetahuan yang bertambah dalam diri seseorang. Menurut Noormalina dan Yusmarwati (2019), penggunaan Internet menjadi ruang komunikasi baharu kepada para pelajar berkongsi maklumat pembelajaran dengan rakan-rakan. Faktor paling dominan yang mempengaruhi penggunaan Internet disebabkan oleh sikap pelajar. Pelajar yang bermotivasi lebih berminat untuk menggunakan internet dalam proses pembelajaran. Merujuk kepada penyataan

tersebut, pengkaji mengaitkannya dengan pembelajaran norma baharu di mana para pelajar telah terdedah kepada sesuatu yang baharu. Pelibatan para pelajar dalam PdP norma baharu ini sememangnya mampu mendorong mereka untuk belajar dengan gigih dan inilah yang dikatakan sebagai amalan ataupun tingkah laku baharu.

Hubungan Antara Penerimaan, Minat dan Amalan Pelajar Tingkatan 6 terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Secara Dalam Talian

Khairul Nizam (2017) menyatakan penerimaan terhadap sesuatu perkara baharu perlulah didahului dengan keinginan yang mendalam untuk seseorang pelajar itu mengetahuinya. Keinginan dan keghairahan untuk mempelajari dan memahami sesuatu perkara ini dinamakan sebagai minat dan kemudian dilaksanakan akan menjadi amalan. Namun begitu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan antara penerimaan, minat dan amalan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu dalam talian. Dapatan ini dilihat berbeza dengan dapatan kajian Nur Aisyah et al. (2013) yang mendapati bahawa penerimaan yang baik pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu ada kaitannya dengan minat mereka. Pelajar yang sedar kecenderungan mereka terhadap Bahasa Melayu akan menggunakan sebaik mungkin peluang yang ada dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Terdapat juga kajian lain yang menunjukkan terdapat hubungan antara penerimaan, minat dan amalan. Misalnya, kajian Nur Afifah et al. (2020) yang mendapati terdapat hubungan yang positif antara minat dan amalan pelajar Tahfiz Bestari dalam pembelajaran bahasa Arab. Seseorang yang berminat dalam perkara yang dipelajari lazimnya akan menunjukkan kesungguhan dan pencapaian yang tinggi. Justeru, minat dan amalan positif perlu ditanam dalam diri pelajar dari awal sesi PdP untuk memastikan para pelajar dapat menguasai sesuatu bahasa dengan baik. Namun begitu, berlakunya perbezaan subjek dalam kajian Nur Afifah et al. (2020) yang berfokus pada Bahasa Arab, manakala kajian ini berfokuskan Bahasa Melayu.

Kajian Paphangkorn et al. (2013) mendapati berlakunya hubungan antara penerimaan, minat dan juga amalan. Proses penerimaan merupakan proses seseorang menggunakan pemikiran dan membuat keputusan untuk menerima sesuatu perkara dan akan melalui beberapa tahap seperti tahap menerima maklumat, tahap ingin tahu, tahap menilai, tahap mencuba, dan tahap penerimaan.

Perbezaan Penerimaan, Minat dan Amalan Pelajar Tingkatan 6 terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Secara Dalam Talian berdasarkan Lokasi Tempat Tinggal

Dapatkan kajian mendapat tidak terdapat perbezaan penerimaan dan amalan pelajar terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian berdasarkan lokasi tempat tinggal. Menurut Anuar (Berita Harian, 16 April, 2020), kaedah e-pembelajaran tidak segerak menerusi beberapa aplikasi termasuk WhatsApp boleh digunakan untuk murid di kawasan luar bandar dan pedalaman. Khairul Nizam (2017) mendapat sikap yang positif serta motivasi yang tinggi ditunjukkan oleh murid-murid etnik Bajau yang tinggal di luar bandar terhadap pembelajaran secara dalam talian. Merujuk kepada daptan yang diperoleh, pengkaji berpendapat bahawa peranan Bahasa Melayu itu sendiri telah menyebabkan tidak wujudnya perbezaan penerimaan dan amalan pelajar tingkatan 6. Hal ini demikian kerana Bahasa Melayu merupakan bahasa komunikasi yang utama di Malaysia. Bahasa Melayu juga merupakan bahasa yang menghubungkan satu etnik dengan etnik yang lain.

Di samping menjadi mata pelajaran yang wajib lulus, Bahasa Melayu ialah bahasa yang memperlihatkan identiti nasional dan juga lambang bagi sesuatu bangsa dan negara. Melalui peranan-peranan tersebut, para pelajar tanpa mengira dari bandar, pinggir bandar maupun luar bandar semestinya menyedari akan kepentingan bahasa tersebut. Hal ini disokong oleh kajian Mohd Asri dan Zulkifley (2014) yang mengatakan kecenderungan positif terhadap Bahasa Melayu adalah disebabkan Bahasa Melayu dianggap satu subjek pembelajaran yang senang. Walaupun lokaliti berbeza, namun keperluan berbahasa para pelajar adalah sama. Dalam erti kata lain, responden kajian menggunakan Bahasa Melayu untuk berkomunikasi walaupun berbeza lokasi tempat tinggal.

Di sebalik itu, daptan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan minat pelajar terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian. Ini menunjukkan bahawa pelajar dari bandar, pinggir bandar dan luar bandar memiliki minat yang berbeza terhadap PdP Bahasa Melayu dalam talian di mana pelajar yang tinggal di pinggir bandar menunjukkan minat yang paling itnggi, tetapi pelajar yang menetap di bandar menunjukkan minat yang paling rendah. Walau bagaimanapun, kajian lepas menunjukkan bahawa minat pelajar adalah sama mengikut lokasi tempat tinggal. Misalnya, kajian oleh Mohd Asri et al. (2017) mendapat pola tentang minat terhadap Bahasa Melayu antara bandar dan luar bandar adalah sama. Kecenderungan minat yang positif adalah lebih tinggi bagi kedua-dua kumpulan pelajar apabila data menunjukkan 97.7% pelajar bandar dan 98.4% pelajar luar bandar menyatakan minat yang positif terhadap Bahasa Melayu. Hanya 1.6% pelajar bandar dan luar

bandar yang menyatakan minat yang negatif terhadap Bahasa Melayu.

Namun begitu, pengkaji melihat terdapat perbezaan antara dua kajian ini di mana kajian oleh Mohd Asri et al. (2017) lebih berfokuskan pelajar Melayu sahaja, manakala kajian ini melibatkan berbilang kaum di mana majoritinya ialah bukan penutur jati Bahasa Melayu. Merujuk kepada perkara ini, pengkaji melihat beberapa faktor yang menyebabkan terdapat perbezaan minat antara pelajar. Salah satu daripadanya adalah kebanyakan pelajar tingkatan 6 dalam kajian ini bukan penutur jati Bahasa Melayu, iaitu pelajar Iban. Pelajar-pelajar ini kebanyakannya tinggal di rumah panjang yang terletak di kawasan pinggir bandar atau luar bandar dan menggunakan bahasa ibunda mereka untuk berkomunikasi dalam komuniti mereka. Hal ini selari dengan kajian Jerie dan Zamri (2010) yang mendapat murid-murid Iban menunjukkan motivasi yang rendah ketika belajar Bahasa Melayu dalam tempoh waktu yang lebih lama berbanding mata pelajaran lain.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini mendapat bahawa penerimaan, minat dan amalan pelajar tingkatan 6 terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian berada pada tahap yang tinggi. Dalam pada itu, kajian ini juga mendapat tidak terdapat hubungan antara penerimaan, minat dan amalan pelajar terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan penerimaan dan amalan pelajar terhadap PdP Bahasa Melayu dalam talian berdasarkan tempat tinggal. Walau bagaimanapun, wujud perbezaan minat pelajar terhadap PdP Bahasa Melayu dalam talian berdasarkan tempat tinggal. Oleh itu, guru-guru yang mengajar bahasa Melayu dalam talian harus mengambil kira faktor tempat tinggal pelajar tingkatan 6 untuk meningkatkan minat mereka dalam pembelajaran.

RUJUKAN

- Ansary Ahmed, Yusup Hashim, Arafah Karimi & Nazirah Mat Sin. (2010). Dasar E-Pembelajaran Negara (DePAN) untuk Institusi Pengajian Tinggi. Jawatankuasa e-CAP, Kementerian Pengajian Tinggi.
- APEL. (2020). Pengajian dalam talian @ e-pembelajaran: Apa yang anda perlu tahu? Diakses daripada <https://apel.oum.edu.my/pengajian-dalam-talian-e-pembelajaran-apa-yang-anda-perlu-tahu> (13 Mei 2023)
- Noormalina Adenan & Yusmarwati Yusof. (2019). Penggunaan internet dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Johor ke arah pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi. *International*

- Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 2(6), 19-32.
- Amani Nawi & Umi Hamidaton. (2020). Penerimaan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terhadap penggunaan *Microsoft Teams* sebagai platform pembelajaran: Satu tinjauan. *E-Proceeding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains* (SAIS 2020), hlm. 315-330. Anjuran Universiti Sains Islam Malaysia.
- Annita Muslimah. (2018). A survey on the use of google classroom in English Language Education Department of Islamic. Master Thesis of English Language Education. Islamic University of Indonesia, Jogjakarta.
- Berita Harian*. PKP: e-Pembelajaran tidak segerak sesuai di luar bandar, pedalaman. 16 April, 2020. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677952/pkp-e-pembelajaran-tidak-segerak-sesuai-di-luar-bandar-pedalaman/> (13 Mei 2023)
- Atousa Rasouli, Zahra Rahbania & Mohammad Attaran. (2016). Students' readiness for e-learning application in higher education. *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 4(3), 51-64.
- Bond, T.G. & Fox, C.M. (2015). *Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences*. 3rd Edition. Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Lim, B., Hong, K.S. & Tan, K.W. (2008). Acceptance of e-learning among distance learners: A Malaysian perspective. In Hello! Where are you in the landscape of educational technology? Proceedings ascielite Melbourne 2008. <http://www.ascielite.org.au/conferences/melbourne08/procs/lim.pdf> (16 Mei 2023)
- Chua, Y.P. (2020). *Mastering Research Methods*. 3rd Edition. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education Sdn. Bhd.
- Davis, F.D. (1989). Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly*, 13(3), 319-340.
- Deepika Nambiar. (2020). The impact of online learning during COVID-19: Students' and teachers' perspective. *International Journal of Indian Psychology*, 8(2), 783-793.
- Nur Afifah Fadzil, Ahmad Nurilakmal Norbit, Muhammad Dzarif Ahmad Zahidi & Nuraznan Jaafar. (2020). Persepsi dan minat pelajar Tahfiz Bestari terhadap pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal'Ulwan*, 5(1), 207-222.
- Heinich, R., Molenda, M. & Russell, J. D. (1993). Instructional media and the new technologies of instruction. Macmillan Pub. Co. Retrieved from https://books.google.com.ph/books/about/Instructional_Media.html?id=ysIAQAAIAAJ&redir_esc=y (16 Mei 2023)
- Irfan Fauzi & Iman Hermawan Sastra Khusuma. (2020). Teachers' elementary school in online learning of COVID-19 pandemic conditions. *Jurnal Iqra': Kajian Ilmu Pendidikan*, 5(1), 58-70.
- Jerie Peter Langan & Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 13-25.
- Jessica Michael. (2023). Amalan dan masalah pendekatan pengajaran terbeza berbandukan MoLIB oleh guru Bahasa Melayu sekolah rendah kebangsaan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 1-13.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Garis Panduan Perlaksanaan PdP Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Disebabkan Penularan JangkitanCOVID-19. Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 3, Tahun2020 Bertarikh 27 Mac 2020. Putrajaya. Daripada <https://www.moe.gov.my/pekeliling/4081-manual-pengajaran-dan-pembelajaran-versi-2-2-feb-2021-1/file> (16 Mei 2023)
- Khairul Nizam Mohamed Zuki. (2017). Penerimaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid berbangsa Bajau. *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, 6(10), 2319-7722.
- Saifolrudin Khalid Mahzan & Mohamad Khairi Othman. (2019). Persepsi, sikap dan penerimaan pelajar terhadap pengintegrasian ICT ke dalam proses PdP Pendidikan Islam melalui penggunaan Portal Web di Institusi Pondok di Kedah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (25), 01-21.
- Miller, T., MacLaren, K. & Xu, H. (2020). Online learning: Practices, perceptions, and technology. *Canadian Journal of Learning and Technology*, 46(1), 1-27.
- Mohd Asri Harun & Zulkifley Hamid. (2014). Penerapan Komunikatif dalam pengajaran Bahasa Melayu: Kajian Kes guru cemerlang. *Jurnal Melayu*, 13(1), 18-28.
- Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid & Kartini Abd. Wahab. (2017). Kajian perbandingan sikap dan kecekapan komunikatif Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Melayu bandar dan luar bandar. *Jurnal Melayu (Isu Khas)*, 289-303.
- Moidunny, K. (2009). The effectiveness of the National Professional Qualification for Educational Leaders (NPQEL). Doctoral Dissertation. National University of Malaysia.
- Nazri Muslim & Abdul Latif Samian. (2012). Tahap Penerimaan pelajar terhadap peruntukan Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 30(1), 3-27.

- Nilavani A/P Mahalingam & Khairul Azhar Jamaludin. (2021). Impak dan cabaran pelaksanaan PdP dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 104-115.
- Noor Hadzlida Ayob, Intan Suria Hamzah & Mohd Amar Aziz. (2021). Merapatkan jurang digital dalam pendidikan: Dasar dan strategi di Malaysia. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 6(25), 157-170.
- Nornikman Ag. Kati & Muhammad Syawal Amran. (2023). Amalan humor guru dan hubungannya dengan konsentrasi dan ingatan belajar murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 316-328.
- Nor Ashikin Hedzir, Heritos Muling & Siti Aishah Sembai Aban Abdullah. (2022). Minat dan persepsi murid Melayu daripada keluarga sosioekonomi tinggi di sebuah sekolah antarabangsa terhadap pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(2), 94-101.
- Nor Hadibah Hushaini, Zulkifli Osman, Anida Sarudin, & Husna Faredza Mohamed Redzwan. (2022). Tahap minat dan penerimaan murid terhadap bahan PdP gamifikasi dalam subjek Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(2), 72-81.
- Nor Fauziana Mohd Salleh. (2020). Pandemik coronavirus (COVID-19): Pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian suatu keperluan di Malaysia. Diakses daripada <https://www.researchgate.net/publication/342886967> (24 April 2023)
- Nur Aisyah Mohamad, Zamri Mahamod & Sharala Subramanian. (2013). Kemahiran metakognitif dan hubungannya dengan jantina, jenis sekolah dan pencapaian murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(2), 23-32.
- Paphangkorn Preedachachwal, Hailai Sakworaphong & Sakol Sthivithayanan. (2013). Acceptance and behavioral imitation of Korean culture from Korean entertainment media among Thai teenagers. *Panyapiwat Journal*, 5(1), 17-30.
- Pareeda Hayeeteh, Shahidi A.H. & Rahim Aman. (2020). Penerimaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Universiti Rajabhat Yala (Yru) Thailand. *Akademika*, 90(3), 105-115.
- Rathaneswaary Derbala & Ruhizan Mohamad Yasin. (2022). Tahap pengetahuan, penerimaan, kesediaan dan amalan pengajaran guru pemulihian khas terhadap pengajaran terbeza. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(4), e001445.
- Raden Sudarwo & Anfas. (2020). The influence of interest and attitude on students learning motivation in distance education. *International Journal of Arts and Social Science*, 3(6), 255-261.
- Ramuna Abdul Raffar & Mohd Mokhtar Tahar. (2022). Teraputik dalam didik hibur menarik minat belajar Bahasa Melayu Murid pendidikan khas. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 95-105.
- Sakshi Agarwal & Jaya Shankar Kaushik. (2020). Student's perception of online learning during COVID pandemic. *The Indian Journal of Pediatrics*, 87(7), 554-561.
- Sarah Alia Mohamed Faisal & Nor Hafizah Adnan. (2021). Tahap kesediaan dan penerimaan guru dalam mempraktikkan penggunaan teknologi digital RI 4.0 sebagai bahan bantu mengajar dalam pendidikan rendah. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 1(3), 66-80.
- Siti Azura Abu Hassan, Suzana Zainol Abidin & Zulkurnain Hassan. (2021). Keberkesanan pembelajaran dan pengajaran dalam talian (e-pembelajaran) terhadap pembelajaran pelajar di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 10(2), 1-14.
- Siti Fatimah Md Azali & Siti Hasmiza Hassan. (2018). Kajian penerimaan pelajar terhadap kaedah *Massive Open Online Course* sebagai medium pembelajaran di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah. *Journal of Technical and Vocational Education*, 1, 73-86.